



PANDUAN

PERMOHONAN LESEN BAGI
MENDUDUKI DAN MENGGUNAKAN
PREMIS YANG DITETAPKAN
(KEMUDAHAN PENGOLAHAN
DAN PELUPUSAN
BUANGAN TERJADUAL)



**PANDUAN PERMOHONAN
LESEN BAGI MENDUDUKI
DAN MENGGUNAKAN PREMIS
YANG DITETAPKAN
(KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN
PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL)**

Jabatan Alam Sekitar
Aras 1 - 4, Podium Blok 2 &3
Lot 4G3, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 W.P Putrajaya

Edisi ketiga 2007
ISBN 983-9119-81-8

SENARAI KANDUNGAN

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	Pendahuluan	iv
2.	Tujuan	1
3.	Latar Belakang	1
4.	Dasar atau Polisi Pelesenan Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual	2
5.	Prosedur Permohonan Lesen Bagi Menduduki dan Menggunakan Premis Yang Ditetapkan	5
6.	Pelesenan Premis Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual Kod SW110 (e-waste)	9
7.	Permohonan Pembaharuan Lesen	10
8.	Permohonan Ubah Syarat Lesen	11
9.	Permohonan Tukar Milik Lesen	11
10.	Senarai Nama dan Alamat Jabatan Alam Sekitar Negeri	12

PENDAHULUAN

Buku panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua pelanggan tentang prosedur permohonan lesen bagi menduduki dan menggunakan premis yang ditetapkan (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual).

Diharapkan para pelanggan mematuhi semua tatacara yang ditetapkan bagi memastikan kelicinan pemprosesan permohonan lesen berkenaan.

Semoga panduan ini dapat memberi maklumat yang berguna kepada semua pihak.

Jabatan Alam Sekitar
Aras 1-4, Podium Blok 2&3
Lot 4G3, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 W.P. PUTRAJAYA

1. **TUJUAN**

Tujuan panduan ini adalah untuk menerangkan prosedur permohonan lesen untuk menduduki dan menggunakan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di bawah peruntukan Seksyen 11 dan 18 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS).

2. **LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sektor perindustrian, perubatan dan perdagangan menghasilkan pelbagai buangan termasuk buangan yang dikategorikan sebagai buangan toksik dan berbahaya. Buangan ini ditakrifkan sebagai buangan terjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Buangan terjadual perlu dikendalikan dan dilupuskan dengan cara yang teratur dan sempurna bagi melindungi kesihatan dan keselamatan awam, hidupan dan kesejahteraan alam sekitar.
- 2.2 Pengeluar buangan perlu mengenalpasti setiap buangan yang dihasilkan sama ada termasuk di dalam kategori sebagai buangan terjadual atau sebaliknya. Bagi buangan terjadual mestilah diolah atau dilupus di kemudahan yang dilesenkan oleh JAS. Maklumat yang boleh digunakan untuk mengenalpasti jenis dan kategori buangan terjadual adalah dengan merujuk kepada Jadual Pertama, dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Selain itu, pengelasan buangan boleh ditentukan berdasarkan sifat berbahaya buangan tersebut.
- 2.3 Buangan terjadual tersebut perlu diolah atau dilupuskan di kemudahan-kemudahan yang dilesenkan oleh JAS seperti berikut:
- (i) Kemudahan penstoran luar tapak;
 - (ii) Kemudahan pemerolehan kembali luar tapak;
 - (iii) Kemudahan pengolahan luar tapak;
 - (iv) Kemudahan penunu buangan terjadual;
 - (v) Kemudahan pengolahan di tanah; dan
 - (vi) Kemudahan tapak pelupusan selamat.

3. DASAR ATAU POLISI PELESENAN KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL

3.1 Permohonan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual perlu diselaraskan supaya tidak bercanggah dengan syarat perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. Perjanjian ini telah ditandatangani pada 18 Disember 1995 untuk tempoh selama 15 tahun bermula dari tarikh pusat pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di Bukit Nenas, Negeri Sembilan siap dibina pada tahun 1998. Perjanjian akan tamat pada tahun 2013.

3.1.1 Dengan perjanjian ini, yang mengandungi syarat-syarat perjanjian yang terpakai di Semenanjung Malaysia, kerajaan tidak lagi membenarkan penubuhan baru :-

- (i) Sebarang kemudahan pengolahan bersepadu buangan terjadual, penunuan (insinerator) dan kemudahan pelupusan;
- (ii) Sebarang kemudahan luar tapak, penunuan luar tapak (off-site incineration) dan tapak pelupusan selamat samada secara setempat atau luar tapak;
- (iii) Pengumpulan dan pengangkutan buangan terjadual untuk diolah dan dilupus di kemudahan yang disebut di bawah perkara (i) dan (ii).

3.1.2 Walaubagaimanapun, kerajaan boleh melesen atau terus melesen :

- (i) Kemudahan setempat bagi pengolahan buangan terjadual, penunuan dan proses pemusnahan 'thermal' yang mematuhi standard dan peruntukan AKAS;
- (ii) Kemudahan tapak pelupusan selamat setempat dan luar tapak yang telah sedia dilesen dan mematuhi standard dan peruntukan AKAS;
- (iii) Loji pengolahan effluen berpusat di kawasan perindustrian yang diluluskan bagi mengolah effluen dari kilang di kawasan perindustrian berkenaan dan mematuhi standard dan peruntukan AKAS;
- (iv) Kemudahan luar tapak bagi pra-pengolahan, pemerolehan kembali atau kitaran semula buangan terjadual yang mematuhi standard dan peruntukan AKAS; dan
- (v) Pengumpulan dan pengangkutan bagi maksud yang mematuhi standard dan peruntukan AKAS.

Tambahan kepada itu, Kerajaan hanya akan membenarkan pengeksportan buangan terjadual bagi tujuan pemerolehan kembali atau kitar semula manakala lesen yang dikeluarkan bagi membenarkan pelupusan alumina hidroksida, asbestos, kalsium hidroksida, kalsium sulfid dan buangan farmaseutikal di tapak-tapak pelupusan biasa dibatalkan dengan adanya kemudahan Kualiti Alam Sdn. Bhd.

3.2 Penempatan Kemudahan Bagi Aktiviti Pengolahan, Pemerolehan Kembali, Penstoran Dan Pelupusan Buangan Terjadual

3.2.1 Penempatan sebarang kemudahan bagi aktiviti pengolahan, pemerolehan kembali, penstoran dan pelupusan buangan terjadual oleh pemaju projek sebelum memilih lokasi tapak projek untuk menjalankan kajian EIA hendaklah mengambilkira polisi Jabatan Alam Sekitar seperti berikut:

A) Penempatan Kemudahan Baru Bagi Aktiviti Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual

a. Kawasan yang dibenarkan bagi kemudahan baru pengolahan dan pelupusan buangan terjadual:

- (i) Kawasan perindustrian berat.
- (ii) Kawasan perindustrian sederhana atau kawasan perindustrian umum dengan syarat :
 1. Zon penampakan dari tapak ke kawasan perumahan atau kediaman yang terdekat hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter; dan
 2. Aktiviti yang dicadangkan adalah sesuai (compatible) dengan kilang-kilang berdekatan dalam jarak 250 meter jejari.

b. Kawasan yang tidak dibenarkan bagi kemudahan baru pengolahan dan pelupusan buangan terjadual:

- (i) Kawasan perindustrian ringan; dan
- (ii) Tapak yang tidak digazetkan sebagai kawasan perindustrian.

B) Permohonan Meningkatkan Kapasiti Bagi Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual Sediada.

- a. Permohonan yang diterima untuk meningkatkan kapasiti melebihi 50% dari kapasiti asal perlu menjalankan kajian EIA baru;
- b. Permohonan perlu memenuhi semua 'kriteria tapak' yang telah ditetapkan bagi permohonan kemudahan baru seperti di para 3.2.1 (A) di atas; dan
- c. Mempunyai rekod pematuhan lesen 100% bagi kemudahan sediada.

C) Penempatan Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual di Kawasan Hulu Takat Pengambilan Air Minuman

- a. Permohonan penempatan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di kawasan hulu takat pengambilan air minuman adalah tidak digalakkan. Pemaju yang masih ingin meneruskan permohonan perlu menjalankan kajian terperinci terhadap impak ke atas kualiti air di takat pengambilan air minuman terlibat.

3.3 Bagi tujuan pemerolehan kembali buangan terjadual, peratus pemerolehan kembali (percentage of recoverables) bahan logam dari buangan yang diproses hendaklah mengikut had yang ditetapkan dalam 'Guidance Document on Transboundary Movements of Hazardous Waste Destined for Recovery Operations' seperti berikut:

Jenis Buangan	Logam Yang Diperolehi	Peratus Minima (Mengikut berat kering)
Enapcemar Hidroksida Logam	Kuprum (Cu)	10
	Emas (Au)	0.05
	Nikel (Ni)	5
	Perak (Ag)	2.5
	Zink (Zn)	20
Mangkin Terpakai	Kromium Oksida	10
	Cobalt (Co)	20
	Sebatian Kuprum	10
	Nikel Oksida (Ni)	10
	Nikel (Ni)	8
	Palladium (Pd)	1.0
	Platinum (Pt)	0.2
	Zink Oksida (ZnO)	10

3.4 Lesen Pengangkutan Buangan Terjadual

- 3.4.1 Aktiviti penstoran, pengumpulan atau pemindahan buangan terjadual di luar premis pengeluar buangan tergolong sebagai kemudahan penstoran luar tapak dan perlu dikendalikan oleh kontraktor yang dilesenkan oleh JAS.

- 3.4.2 Pengangkutan buangan terjadual dilaksanakan bagi tujuan pengolahan, pelupusan, import atau eksport dan pemerolehan kembali buangan. Syarikat-syarikat yang mengendalikan kemudahan pengolahan atau pelupusan luar tapak seperti Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd dan syarikat-syarikat konsesi yang menguruskan sisa klinikal mempunyai lesen untuk mengangkut sendiri buangan daripada premis pengeluar buangan hingga ke loji pengolahan atau tapak pelupusan.
- 3.4.3 Untuk pengangkutan bagi maksud mengimport atau mengeksport buangan terjadual, kontraktor hendaklah terdiri daripada syarikat-syarikat yang memiliki Lesen Pembawa A (Kontena) seperti diperuntukkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).
- 3.4.4 Syarikat-syarikat tempatan yang memiliki lesen untuk memperoleh kembali buangan terjadual boleh memohon lesen pengangkutan buangan terjadual untuk memastikan buangan dikumpul dan dipindahkan secara terus daripada premis pengeluar buangan ke kemudahan pemerolehan kembali. Syarikat pemerolehan kembali hendaklah mempunyai kenderaan milik sendiri. Pemerolehan lesen pengangkutan buangan terjadual oleh pihak ketiga (third party) tidak dipertimbangkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- 3.4.5 Syarikat pengeluar buangan terjadual boleh dipertimbangkan untuk mengangkut sendiri buangan dari premis masing-masing menggunakan kenderaan milik syarikat sekiranya penghantaran buangan diperlukan untuk maksud penyelidikan atau analisis buangan.

4. PROSEDUR PERMOHONAN LESEN BAGI MENDUDUKI DAN MENGGUNAKAN PREMIS YANG DITETAPKAN (KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN)

- 4.1 Permohonan bagi Kemudahan Baru:-
Prosedur memproses kelulusan bagi kemudahan baru melibatkan tiga peringkat iaitu:
- (i) Kelulusan Laporan EIA atau Kelulusan Awal Tapak;
 - (ii) Kelulusan Kebenaran Bertulis (KB); dan
 - (iii) Kelulusan Lesen.

4.1.1 Kelulusan Laporan EIA atau Kelulusan Penilaian Awal Tapak

4.1.1.1 Kelulusan Laporan EIA

Keperluan kelulusan Laporan EIA adalah tertakluk kepada aktiviti-aktiviti yang dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan di dalam perkara 18, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987 iaitu:-

- (i) Pembinaan loji penunuan;
- (ii) Pembinaan loji pulihguna (luar tapak);
- (iii) Pembinaan loji pengolohan air buangan (luar tapak);
- (iv) Pembinaan kemudahan penimbusan tanah selamat; dan
- (v) Pembinaan kemudahan penstoran (luar tapak).

Bagi pembinaan loji atau kemudahan yang tidak dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan, kelulusan laporan EIA tidak perlu diperolehi. Walaubagaimanapun, pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan Penilaian Awal Tapak (PAT) terlebih dahulu.

4.1.1.2 Kelulusan Penilaian Awal Tapak (PAT)

PAT dijalankan untuk menentukan kesesuaian penempatan industri atau kemudahan yang dicadangkan mengikut keadaan guna tanah di sekitar tapak projek. Maklumat penting yang perlu disertakan oleh pemohon adalah keterangan mengenai industri dari segi kedudukan tapak, bahan mentah yang digunakan, teknologi pengolohan atau pelupusan, hasil keluaran dan inventori buangan yang dihasilkan.

4.1.2 Kebenaran Bertulis (KB)

KB adalah kelulusan yang dikeluarkan untuk membina atau menjalankan kerja yang akan menyebabkan premis, tanah atau bangunan menjadi sebuah premis yang ditetapkan. Permohonan KB dikemukakan setelah kelulusan laporan EIA diperolehi. Permohonan dibuat dengan mengemukakan bayaran memproses sebanyak RM 1000.00 beserta borang permohonan dan maklumat-maklumat lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam senarai semak yang berkaitan (Rujuk Jadual 1). Tempoh masa pemrosesan kelulusan KB adalah tidak lebih dari tiga (3) minggu (15 hari bekerja) dari tarikh maklumat lengkap terakhir diterima. Permohonan KB hendaklah dikemukakan ke JAS negeri yang berkenaan untuk diproses.


Jadual 1
Senarai Borang Permohonan Kebenaran Bertulis

Bil.	Jenis Premis / Kemudahan	No. Siri Borang/ Senarai Semak
1.	Penstoran Luar Tapak (off-site storage)	AS.13 /Lampiran A
2.	Pengolahan Luar Tapak (off-site treatment)	AS.9 /Lampiran B
3.	Pemerolehan Kembali Luar Tapak (off-site recovery)	AS.11 / Lampiran C
4.	Penunu Buangan Terjadual (incinerators)	AP/E/2INC (INCINERATOR) / Lampiran D
5.	Pengolahan Atas Tanah (landfarming)	AS.10 /Lampiran E
6.	Tapak Pelupusan Selamat (secure landfills)	AS.12 /Lampiran F

4.1.3 Permohonan Lesen Baru

Permohonan lesen baru dikemukakan setelah premis siap dibina dan kerja-kerja pembinaannya dilaksanakan sebagaimana mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kelulusan KB. Permohonan dibuat dengan mengemukakan bayaran memproses sebanyak RM100.00 beserta dengan Borang A.S.1-Pin.1/86. Tempoh pemprosesan kelulusan lesen adalah tidak lebih dari dua (2) minggu (10 hari bekerja) daripada tarikh maklumat lengkap diterima. Kelulusan lesen kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual berkuatkuasa selama tempoh 1 tahun dari tarikh ia dikeluarkan melainkan jika selainnya dinyatakan dalam lesen. Permohonan lesen hendaklah dikemukakan ke JAS Negeri yang berkenaan untuk diproses.

Cartalir permohonan kelulusan KB dan Lesen adalah seperti diterangkan dalam **Rajah 1**. Pemohon hendaklah memperolehi ketiga-tiga peringkat kelulusan iaitu EIA, KB dan Lesen sebelum premis beroperasi. Sekiranya permohonan melibatkan bukan aktiviti yang ditetapkan, kelulusan PAT hendaklah diperolehi. Contoh kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual yang tidak dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan ialah kemudahan pengolahan di tanah (landfarming) dan kemudahan pemerolehan kembali separa buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik (e-waste). Kemudahan-kemudahan tersebut hanya perlu mendapatkan kelulusan PAT, KB dan kelulusan lesen sahaja. Walau bagaimanapun, jika terdapat keadaan yang memerlukan kajian EIA, JAS boleh menghendaki supaya pemohon menjalankan kajian EIA terhadap kemudahan-kemudahan tersebut.



RAJAH 1 :

CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN KEBENARAN BERTULIS DAN LESEN BARU BAGI PREMIS YANG DITETAPKAN KEMUDAHAN PENGOLAHAN DAN PELUPUSAN (BUANGAN TERJADUAL)

5. PELESENAN PREMIS PEMEROLEHAN KEMBALI BUANGAN TERJADUAL KOD SW 110 (e-waste)

Susulan daripada pengwartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, bagi buangan terjadual (SW110) iaitu buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik yang mengandungi komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain, atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, kuprum, litium, perak, mangan atau bifenil terpoliklorin, JAS telah menetapkan beberapa kriteria bagi pelesenan buangan e-waste.

5.1 Kriteria Pusat Pengumpulan

- 5.1.1 Premis yang menjalankan aktiviti pengumpulan buangan e-waste sahaja dan tidak menjalankan proses pemerolehan kembali. Contoh pusat pengumpulan buangan yang dilaksanakan oleh Pusat Komuniti, NGO's dan sebagainya yang hanya mengumpul buangan elektronik dan elektrik dari kawasan kediaman, tempat-tempat tertentu yang boleh dikategorikan sebagai household wastes serta dari premis-premis yang menjalankan kerja-kerja pembaikan alat elektrik dan elektronik.
- 5.1.2 Kemudahan ini tidak perlu memperoleh lesen untuk beroperasi dan ditakrifkan sebagai pengeluar buangan terjadual dan perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
- 5.1.3 Buangan yang dikumpul hendaklah dihantar ke kemudahan yang dilesenkan oleh JAS untuk tujuan pemerolehan kembali atau pelupusan.

5.2 Kriteria Pemerolehan Kembali Separa (Partial Recovery)

- 5.2.1 Premis yang menjalankan kerja-kerja pembaikan, pengumpulan, penyimpanan, pemecahan dan peleraian komponen-komponen buangan.
- 5.2.2 Produk yang dihasilkan masih dikategorikan sebagai buangan terjadual dan perlu dihantar ke Kemudahan Pemerolehan Kembali Penuh atau kemudahan pelupusan yang dilesenkan .
- 5.2.3 Sekiranya produk ingin dieksporth, pengeluar produk perlu mendapat permit eksport dari JAS melalui prosedur Konvensyen Basel.
- 5.2.4 Permohonan Lesen pemerolehan kembali separa boleh dipertimbangkan bagi premis sediaada (yang wujud sebelum 15 Ogos 2005) dan juga premis baru.
- 5.2.5 Bagi premis baru, kelulusan PAT dan KB di bawah Seksyen 19, AKAS perlu diperolehi sebelum lesen dikeluarkan. Kemudahan ini tidak perlu menjalankan Kajian EIA.

5.3 Kriteria Pemerolehan Kembali Penuh (Full Recovery)

- 5.3.1 Kemudahan yang menjalankan proses pemerolehan kembali menggunakan teknologi pemerolehan kembali yang berkeupayaan untuk memperoleh kembali logam-logam berharga yang terdapat dalam buangan. Proses yang terlibat bukan hanya melibatkan aktiviti pengumpulan, pengasingan dan peleraian komponen-komponen yang terdapat dalam buangan tersebut tetapi juga terlibat proses memperoleh kembali logam-logam berharga samada melalui proses elektrolisis, 'reverse osmosis', 'ion exchange' atau lain-lain teknologi yang diperakui oleh jurutera bertauliah.
- 5.3.2 Premis mempunyai kemudahan kawalan pencemaran yang baik dan cekap dan diluluskan oleh JAS.
- 5.3.3 Produk yang dihasilkan daripada proses pemerolehan kembali penuh tidak dikategorikan sebagai buangan terjadual dan pengeksportan produk tidak memerlukan permit eksport dari JAS.
- 5.3.4 Bagi buangan yang tidak melalui proses pemerolehan kembali, tidak dibenarkan dieskport.
- 5.3.5 Permohonan lesen 'full recovery' boleh dipertimbangkan bagi premis sediaada (yang wujud sebelum 15 Ogos 2005) dan tidak perlu jalankan Kajian EIA.
- 5.3.6 Bagi premis baru, kelulusan EIA dan Kebenaran Bertulis bawah Seksyen 19, AKAS dan lesen perlu diperolehi sebelum premis beroperasi.

5.4 Bagi permohonan lesen 'partial' atau 'full recovery' yang melibatkan premis sediaada (wujud sebelum 15 Ogos 2005), kriteria-kriteria berikut perlu dipatuhi :

- (i) Premis bebas dari aduan orang ramai mengenai pencemaran alam sekitar; dan
- (ii) Bagi premis haram, lokasi tapak perlu dinilai terlebih dahulu kesesuaiannya serta mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan sebelum lesen dapat dikeluarkan oleh JAS.

6. PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

6.1 Lesen kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual hendaklah diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan mengikut peruntukan Seksyen 13(2) AKAS 1974. Setiap permohonan pembaharuan lesen hendaklah dibuat dalam tempoh 1 hingga 31 Januari setiap tahun iaitu tidak kurang daripada 3 bulan dan tidak lebih daripada 4 bulan sebelum tarikh tamatnya tempoh lesen. Permohonan hendaklah disertakan bayaran RM 100.00 dan Borang AS.1-Pin.1/86 Bayaran ini tidak akan dikembalikan sekiranya permohonan pembaharuan ini tidak diluluskan atas sebab-sebab yang tertentu.

- 6.2 Tempoh memproses pembaharuan lesen adalah serta merta (on the spot) bagi pemohon yang hadir sendiri ke pejabat JAS masing-masing. Bagi permohonan yang dilakukan melalui pos, tempoh memproses adalah satu (1) minggu (5 hari bekerja) dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 6.3 Bagi permohonan yang dibuat selepas 31 Januari denda lewat yang ditetapkan di bawah Seksyen 13(3) AKAS adalah RM10.00 sehari bagi tiap-tiap satu hari kelewatan.
- 6.4 Peruntukan Seksyen 13(4) AKAS pula menetapkan Ketua Pengarah boleh enggan memperbaharui lesen atau boleh memperbaharainya dengan bayaran tamat-tempoh. Permohonan selepas 30 April, dikenakan bayaran tamat-tempoh sebanyak RM 10,000.00 atau lima ratus peratus daripada bayaran lesen.
- 6.5 Kegagalan pemilik lesen mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Jadual Pematuhan yang disertakan bersama lesen adalah kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 25,000.00 atau penjara selama 2 tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan RM 1,000.00 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas disampaikan notis.

7. PERMOHONAN UBAH SYARAT LESEN

Untuk permohonan ubah syarat lesen, pemilik lesen perlulah mengemukakan dokumen yang lengkap. Sekiranya perubahan melibatkan syarat-syarat EIA permohonan ubah syarat hendaklah dibuat kepada Seksyen EIA terlebih dahulu sebelum pemprosesan ubah syarat lesen. Tiada apa-apa bayaran dikenakan untuk tujuan ini.

8. PERMOHONAN TUKAR MILIK LESEN

Permohonan tukar milik lesen hendaklah disertakan dengan bayaran RM 30.00 berserta lesen asal dan Jadual Pematuhannya kepada Jabatan Alam Sekitar. Lesen dan Jadual Pematuhan yang baru akan dikeluarkan atas nama pemilik lesen yang baru.

SENARAI NAMA DAN ALAMAT PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR

Ketua Pengarah

Jabatan Alam Sekitar
Aras 1-4, Podium Blok 2&3
Lot 4G3, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA
Tel : 03-88712000
03-88891972/1800-88-27-27 - Bilik Kawalan Ibu Pejabat JAS
Fax : 03-88894020
03-88891975/73 - Bilik Kawalan Ibu Pejabat JAS

Ketua Perkhidmatan

Unit Perkhidmatan Alatan (Stor)
No. 3, Jalan P/8
Kawasan Perindustrian Bangi
43650 Bandar Baru Bangi,
SELANGOR

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar W.P. Kuala Lumpur
Tingkat 1 & 2, Wisma SCA
No. 3, Batu 2, Jalan Sungai Besi
57100 KUALA LUMPUR.
Tel : 03-92215543
Fax : 03-92216437

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
Tingkat 12, 13 & 14, Sunwaymas
Jalan Tengku Ampuan Zabedah
C 9/C, Seksyen 9
40100 Shah Alam, SELANGOR.
Tel : 03-55214000
Fax : 03-55194788

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis
Tingkat 2, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar, PERLIS
Tel: 04-9793100/ 9793102
Fax: 04-9772822

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah
Aras 3, Menara Zakat
Jalan Teluk Wanjah
05200 Alor Setar , KEDAH
Tel : 04-7332832/ 7335633
Fax : 04-7337530

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang
Wisma Peladang, Tingkat 5 - 8
Jalan Kampung Gajah
12200 Butterworth, PULAU PINANG.
Tel : 04-3334441/ 3315442
Fax : 04-3316078

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak
Tingkat 7 & 9, Bangunan Seri Kinta
Jalan Sultan Idris Shah
30000 Ipoh, PERAK
Tel : 05-2542744/ 2538472
Fax : 05-2558595

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan
Tingkat 4-5, Bangunan Arab Malaysian
Business Centre, Jalan Pasar
70200 Seremban
NEGERI SEMBILAN.
Tel : 06-7649017/ 7649018
Fax : 06-7649019/ 7623493

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka
Tingkat 2-3, Bangunan Graha Maju
Jalan Graha Maju
75300 MELAKA.
Tel: 06-2847825/ 2847839
Fax: 06-2847845

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor
Aras 1 & 2, Bangunan Hasil
Jalan Padi Emas 1
Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, JOHOR
Tel : 07-2356041/ 2356042
Fax : 07-2356071/ 2356051

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang
Tingkat 4-6, Bangunan Asia Life
Jalan Telok Sisek
25562 Kuantan, PAHANG
Tel : 09-5165211/ 5164793
Fax : 09-5162075

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
Lot 322-324, Seksyen 27
Jalan Seri Cemerlang
15300 Kota Bharu, KELANTAN
Tel : 09-7414888
Fax : 09-7479014

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu
Tingkat 9, Menara Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu, TERENGGANU.
Tel : 09-6261044
Fax : 09-6226877/ 6227877

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
No. 26, Tingkat 7-9, Bangunan Wisma STA
Jalan Datuk Abang Abdul Rahim
93450 Kuching, SARAWAK
Tel : 082-482535/ 339535
Fax : 082-480863

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS - Sulaiman, Likas
88450 Kota Kinabalu, SABAH.
Tel : 088-488166
Fax : 088-488177

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar W.P Labuan
Tingkat 4, Blok 4,
Kompleks Ujana Kewangan
87007 Wilayah Persekutuan Labuan,
SABAH.
Tel : 087-408772
Fax : 087-408774

CAWANGAN**Ketua Cawangan**

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gombak
No. 20, Jalan Sri Batu Caves
68100 Batu Caves, SELANGOR.
Tel : 03-61869487/ 61869512
Fax : 03-61869873

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kajang
Tingkat 3, Kompleks Perhentian Kajang
Jalan Reko
43000 Kajang, SELANGOR
Tel : 03-87379100
Fax : 03-87375100

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar
Cawangan Sabak Bernam
No. 12, Jalan Gemilang,
Taman Gemilang
43500 Sungai Besar, SELANGOR.
Tel : 03-32244240
Fax : 03-32243280

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sepang
No. B28-1&B28-2
Jalan 7, Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang, SELANGOR.
Tel : 03-87061340
Fax : 03-87061336

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar
Cawangan Bayan Lepas
Unit 4.3, Kompleks Mayang Mall
Bandar Bayan Baru
11909 Bayan Lepas
PULAU PINANG.

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Taiping
Majlis Perbandaran Taiping
Tingkat 4, Jalan Kota,
34000 Taiping, PERAK
Tel : 05-80535999

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Langkawi
Aras 6, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi, KEDAH.
Tel : 04-9664633/ 9665315
Fax : 04-9663950

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sungai Petani
Tingkat 1, No. 7 & 8, Jalan Bank
09000 Sungai Petani, KEDAH.
Tel : 04-4235633
Fax : 04-4232832

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kulim
Kulim Technology Park Business Centre,
P.O Box 60, 09000 Kulim, KEDAH.
Tel : 04-4037675
Fax: 04-4036496

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Temerloh
Lot 12 & Lot 14, Jalan Pak Sako 3
Bandar Sri Semantan
28000 Temerloh, PAHANG.

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar
Cawangan Cameron Highlands
RL,C3 SHG 3,4,6,8,10
Taman Royal Lily, Taman Rata
39100 Cameron Highlands, PAHANG.
Tel : 05-4915343
Fax : 05-4915323

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Rompin
Lot No. PT 859
No. 3, Jalan Syed Osman
26800 Kuala Rompin, PAHANG.

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Muar
Tingkat 1, Bangunan Thiam Lock
Lot 2129, Jalan Sungai Abong
84000 Muar, JOHOR
Tel : 06-9556127/ 9556129
Fax : 06-9556128

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Batu Pahat
Tingkat 7, Wisma Sing Long
No. 9, Jalan Zabedah
83000 Batu Pahat, JOHOR
Tel : 07-4388490/ 4388491
Fax : 07-4388492

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang
Tingkat 8, Bangunan Wisma Bunga
No. 11, Jalan Lambak
86000 Kluang, JOHOR
Tel : 07-7765892/ 7760194
Fax : 07-7767493

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sibul
No. 6, Tingkat 5, Bangunan Grand Merdin
Jalan Kampung Nyabor
96008 Sibul, SARAWAK
Tel : 084-349720/ 334790
Fax : 084-334934

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Bintulu
Tingkat 2, Bangunan Pejabat BPA
No. 1, Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu, SARAWAK
Tel : 086-313827
Fax : 086-312958

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Miri
Lot 97, Tingkat 8
Plaza Yu Lan, Jalan Brooke
98000 Miri, SARAWAK
Tel : 085-427994/ 426994
Fax : 085-428994

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sipitang
Lot 21 & 22, Tingkat 1,
Pusat Membeli Belah Sipitang
89850 Sipitang, SABAH
Tel : 087-822601/ 822603
Fax : 087-822627

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sandakan
Tingkat 2, Wisma Sabah
Lot 1 & 2, Megah Light Md. Estate
Batu 7, Jalan Labuk
90000 Sandakan, SABAH
Tel : 089-674653/ 674745
Fax : 089-671384

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Tawau
Tingkat 2, Lot 6, 7 dan 8
Lorong Sabindo Square 1, Sabindo Square
91000 Tawau, SABAH
Tel : 089-767251
Fax : 089-737250

Ketua Cawangan

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kemaman
Aras 3, Bangunan Persekutuan
Jalan Melor Gong Limau
24000 Chukai, Kemaman
TERENGGANU.
Tel : 09-8502424
Fax : 09-8502421

Disediakan oleh:

Encik Lee Heng Keng
Puan Mariana Md. Nor
Encik Mohd Shukri Noh

Dikemaskini untuk percetakan semula oleh:

Dr. Abdul Rahman Awang
Puan Norazian Abdul Hamid

